

Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0

Ambil Peluang Lunas Cukai Tanpa Penalti

Apakah yang dimaksudkan dengan Program Khas Pengakuan Sukarela 2.0 yang sedang dilaksanakan oleh HASiL?

Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) merupakan satu daripada usaha kerajaan untuk menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela dan melaporkan pendapatan yang sepatutnya kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dalam tempoh tersebut. Program ini yang pertama kali dilaksanakan pada 3 November 2018 hingga 30 September 2019 telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada pembayar cukai.

Atas kejayaan program yang dilihat memberi ruang kepada pembayar cukai untuk menunaikan tanggungjawab mereka di samping melahirkan lebih banyak rakyat Malaysia yang celik cukai, HASiL telah melaksanakan PKPS 2.0 bermula pada **6 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024**. Inisiatif ini adalah untuk menyokong rukun pemampunan dalam pentadbiran percukaian negara seiring dengan konsep Malaysia MADANI. PKPS 2.0 yang ditawarkan ini memberikan peluang kepada pembayar cukai untuk meningkatkan tahap pematuhan cukai berteraskan konsep AES (*Awareness, Education, Service*) yang diamalkan di HASiL.

PKPS 2.0 turut memfokuskan penyertaan kepada pembayar cukai baharu yang ingin melaporkan pendapatan mereka kepada HASiL selaras dengan pelaksanaan Nombor Pengenalan Cukai (TIN). TIN mula dilaksanakan pada tahun 2023 seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2022, iaitu sebanyak 7.8 juta individu warganegara dan pemastautin tetap diberikan TIN secara automatik. Pelaksanaan TIN turut melibatkan individu warganegara yang berumur 18 tahun dan ke atas. Individu yang perlu melaporkan pendapatan kepada HASiL adalah seperti mana yang dinyatakan di bawah peruntukan Seksyen 77 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Pengakuan sukarela ini meliputi skop pelaporan pendapatan, perbelanjaan atau tuntutan, pelepasan dan potongan yang perlu dikemukakan kepada HASiL semasa tempoh penghantaran borang cukai pendapatan mengikut kategori percukaian yang berkaitan. Perkara ini juga merangkumi konteks selain cukai pendapatan, iaitu pelaporan bagi pelupusan aset dan penyetaman dokumen atau perjanjian. PKPS 2.0 menawarkan kadar penalti sebanyak kosong peratus bagi setiap pelaporan yang diterima dalam tempoh pelaksanaan program.

Bagaimanakah PKPS 2.0 memanfaatkan pemilik perniagaan?

Sebaik sahaja sesebuah perniagaan didaftarkan, seorang pemilik perniagaan yang baik akan sentiasa berusaha untuk memastikan kelancaran operasi di samping menjalankan perniagaan berteraskan undang-undang. Hal ini termasuklah mematuhi segala syarat dan ketetapan yang dibuat oleh agensi berkaitan seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri dan sebagainya.

Dalam konteks percukaian, pemilik perniagaan mempunyai tanggungjawab yang perlu dipenuhi bukan sahaja melibatkan diri sendiri, malah terhadap perniagaan yang diusahakan. Tanggungjawab yang dimaksudkan termasuklah:

- Mendaftarkan nombor pengenalan cukai atau mengemas kini maklumat diri dan perniagaan.
- Mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) kepada HASiL melalui aplikasi e-Filing.
- Melaporkan pendapatan dan perbelanjaan, termasuklah potongan dan rebat.
- Mengira dan membayar jumlah cukai pendapatan yang dikenakan.
- Menyimpan rekod, dokumen dan helaian kerja selama tujuh tahun bagi tujuan pengauditan.

Selain fail cukai pendapatan individu (kategori fail IG), pemilik perniagaan turut berpotensi mempunyai fail cukai majikan (kategori fail E), perkongsian (kategori fail D) dan syarikat (kategori fail C). Secara asasnya, pemilik perniagaan perlu mengetahui dan memahami bahawa setiap daripada mereka mempunyai peranan yang penting terhadap pembangunan negara melalui sumbangan cukai yang disalurkan.

Pelaksanaan PKPS 2.0 sememangnya akan membawa manfaat kepada pemilik perniagaan. Manfaat berupa pengenaan kadar penalti sebanyak kosong peratus ini ditawarkan kepada:


- Pembayar cukai baharu yang **belum pernah melaporkan pendapatan** kepada HASiL tetapi telah memulakan perniagaan atau mempunyai pendapatan bagi Tahun Taksiran 2022 dan ke belakang.
- Pembayar cukai yang **pernah melaporkan pendapatan** kepada HASiL dan mempunyai pendapatan yang tidak pernah dilaporkan atau kurang dilaporkan, perbelanjaan atau tuntutan lain yang terlebih tuntut atau tidak dibenarkan, pelepasan atau potongan atau rebat terlebih tuntut dan elaun modal atau insentif yang terlebih tuntut; melibatkan Tahun Taksiran 2021 dan ke belakang.
- Pembayar cukai yang tidak melaporkan **pelupusan aset** bagi Tahun Taksiran 2022 dan ke belakang.
- Pembayar duti yang mengemukakan dokumen atau perjanjian yang telah disempurnakan (ditandatangani) pada atau sebelum 1 Mei 2023 untuk penyetaman mulai 6 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.

Sepanjang pelaksanaan PKPS 2.0, segala maklumat pengakuan sukarela yang dibuat dalam tempoh ini akan diterima dengan suci hati oleh pihak HASiL. Tindakan audit atau siasatan tidak akan dilakukan pada masa akan datang bagi tahun taksiran pengakuan sukarela dibuat. Walau bagaimanapun, sekiranya pembayar cukai gagal melunaskan bayaran cukai dalam tempoh masa yang ditetapkan, tindakan audit atau siasatan boleh diambil bagi tahun taksiran yang terlibat. Oleh itu, pemilik perniagaan disarankan untuk mengambil peluang menyertai PKPS 2.0 ini bagi mengelakkan daripada tindakan penguatkuasaan audit, iaitu pengenaan penalti berdasarkan Rangka Kerja Audit Cukai yang sedang berkuat kuasa.

Maklumat lanjut berhubung PKPS 2.0 dan aspek percukaian langsung yang lain boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL melalui www.hasil.gov.my. 

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

PKPS 2.0: Ambil Peluang Lunas Cukai Tanpa Penalti



Melintang

1. Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) 2.0 ditawarkan untuk meningkatkan tahap _____ cukai dalam kalangan pembayar cukai.
2. Segala maklumat pengakuan sukarela di bawah PKPS 2.0 akan diterima dengan _____ oleh pihak HASIL.
3. _____ tidak akan dilakukan bagi tahun taksiran yang terlibat dengan PKPS 2.0.
4. PKPS 2.0 juga meliputi konteks selain cukai pendapatan, iaitu pelaporan bagi _____.

Menegak

5. Selain pelaporan pendapatan dan perbelanjaan, pengakuan sukarela juga meliputi skop _____ dan pelepasan semasa penghantaran borang nyata cukai pendapatan.
6. _____ atau perjanjian yang tidak dibuat dalam tempoh juga ditawarkan dalam PKPS 2.0.
7. Tanggungjawab pembayar cukai adalah untuk melaporkan _____ dan perbelanjaan, termasuk pelepasan dan potongan dengan betul.
8. PKPS 2.0 menawarkan _____ pada kadar kosong peratus.

PERATURAN

1. Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 tahun hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
3. Tekaian hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **31 Mei 2024**. Jawapan yang diterima dengan lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
4. Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :
 Alamat Rumah : No. Telefon :
 Nama Bank :
 No. Akaun Bank :
 Nama Sekolah/Institut : (Akaun bank milik peserta)
 E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor *Dewan Siswa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my

HADIAH
MENARIK MENANTI
PEMENANG